

Pusat asuhan kerajaan warga tua untuk Sabah

OLEH
WATI ANDI SAMSIAR

KOTA KINABALU: Sabah besar kemungkinan akan memiliki pusat asuhan yang dibiayai oleh kerajaan untuk warga tua di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Memberitahu demikian di sini kelmarin, Menteri Perpaduan dan Pembangunan Sosial, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata lapan lagi pusat tambahan pusat seumpama itu akan dibina di negara ini.

Beliau berkata buah masa ini lapan pusat seumpama ini di negara ini yang dibina untuk membantu warga Malaysia yang sibuk dengan kerja mereka untuk terus menjaga ibu bapa mereka yang sudah tua tanpa menghantarnya ke rumah-rumah orang tua.

"Terdapat sembilan rumah orang-orang tua di negara ini yang tidak dipenuhi oleh penghuninya dan melihat senario itu, kementerian memutuskan

untuk membina pusat asuhan untuk warga tua agar anak-anak mereka yang bekerja boleh menghantarnya ke pusat ini dan mengambil mereka balik selepas bekerja," katanya.

Siti Zaharah berkata demikian selepas menyampaikan ucaptama pada perasmian seminar mengenai 'Isu Berhubung Orang Tua di Malaysia' kelmarin.

Beliau juga berkata kerajaan negeri akan memutuskan lokasi pusat itu di Sabah.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Dautk Rayman Tan Shu Kiah yang turut hadir pada sidang media bersama siti Zaharah iu berkata pusat itu akan dibina di ibu negeri.

"Kita hanya mempunyai satu pusat asuhan untuk orang tua di Sandakan yang boleh menampung 20 hingga 30 orang pada satu masa dan pusat ini dikendalikan oleh Rumah Orang-Orang Tua Sandakan," kata Raymond.

Dalam hubungan ini katanya kementerian akan menjalankan kajian dan penyelidikan untuk mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk pusat itu di Sabah.

Terdahulu, siti Zaharah dalam ucapannya berkata kerajaan menggalakkan golongan tua untuk tinggal bersama keluarga mereka seberapa yang boleh berdasarkan kepada dasar sosial negara.

"Memasukan orang tua ke pusat orang-orang tua hendaklah sebagai jalan terakhir," katanya sambil menambah pada 2010, peratus orang tua dalam lingkungan umur 60 akan melebihi tujuh peratus dari keseluruhan penduduk.

Dalam hubungan ini katanya kementeriannya telah menubuhkan Majlis Perundingan golongan tua untuk membincangkan isu yang berkaitan dengan orang tua.

Beliau berkata kerajaan juga akan merancang pelbagai program untuk golongan tua di negara ini dan juga akan memberikan perhatian terhadap kebajikan mereka.

"Kita berharap semua pihak akan tampil untuk membantu kerajaan menganjurkan pro-

gram-program untuk golongan tua ini," katanya.

"Program Grey Hair" adalah salah satu program yang akan memberikan faedah kepada golongan tua ini kerana mereka boleh menghabiskan masa mereka mengembara dengan kos yang minimum.

Terdahulu, Presiden Majlis Kebangsaan untuk Pertubuhan Warga Tua Malaysia (Nacscom), Lum Kin Tuck berkata majlis itu akan terus mengutarakan masalah, isu dan cabaran warga tua di negara ini.

"Kita bukan saja perlu dihormati oleh golongan muda tetapi kebajikan golongan tua juga perlu diberikan perhatian oleh pihak berkuasa," katanya sambil menambah aspek pusat kesihatan perlu diberikan keutamaan.

Kira-kira 200 warga tua menghadiri seminar itu kelmarin yang dianjurkan untuk menimbulkan kesedaran tentang dasar kerajaan mengenai golongan tua.

Penceramah jemputan membentangkan empat kertas kerja dan antaranya ialah Jaminan Kewangan dan Sukan untuk golongan tua oleh Dr Ho Chong Mun dari Universiti Malaysia Sabah (UMS).